

Protes isu Azam Baki uji legitimasi moral kerajaan

SHAH ALAM - Protes dicetuskan Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli berhubung isu Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki tidak semestinya menjatuhkan kerajaan secara langsung, namun berpotensi melemahkan legitimasi moral pentadbiran sedia ada.

Penganalisis Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Alsagoff berkata, dari sudut komunikasi politik dan persepsi awam, de-

monstrasi sedemikian boleh memberi kesan jangka panjang terhadap keyakinan rakyat.

"Apabila protes berlaku atas isu integriti institusi seperti SPRM, ia beri gambaran wujud krisis kepercayaan terhadap komitmen kerajaan membanteras rasuah.

"Isu ini lebih sensitif berbanding isu ekonomi atau dasar kerana ia menyentuh teras moral pemerintahan," ujarinya mengulas tindakan Rafizi yang mendesak Azam digantung susulan kontroversi pe-

milikan saham.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan dilihat enggan bertindak balas secara telus, protes berkenaan boleh menghakis keyakinan kelas menengah bandar.

Malah katanya, isu itu juga berpotensi menjadi naratif berterusan dalam media sosial selain dimanfaatkan pembangkang sebagai 'isu hidup' menjelang pilihan raya kelak.



SYED AGIL